BAB III

PELAKSANAAN TAKAFUL DI NEGERI PERLIS, MALAYSIA.

A. Gambaran Umum Takaful Di Negeri Perlis.

1. Latar Belakang dan Sejarah Takaful

Takaful adalah sistem asuransi secara Islam. Sebagai suatu institusi keuangan yang bergerak mengikut landasan syariah. Usianya baru 15 tahun. Syarikat asuransi Islam yang pertama telah didirikan pada tahun 1979 yaitu Syarikat auransi Islam Sudan.

Bertolak dari perjalanan dan perkembangan Syarikat Asuransi Islam Sudan ini, maka berbagai usaha dan langkah susulan telah dibuat, khususnya oleh negara-negara Islam dan negara di mana jumlah penduduk Islam agak besar untuk memperkenalkan syarikat-syarikat Asuransi yang menawarkan perniagaan asuransi secara Islam.

Lebih lanjut dikatakan, bahwa pada awal tahun 80-an beberapa buah syarikat asuransi secara Islam mulai didirikan termasuk juga yang beroperasi di negara-negara Eropa, diantaranya ialah Syarikat Insuran Islam Arab yang didirikan pada tahun 1979 di Arab Saudi. Pada tahun 1983, telah diperbadankan Syarikat Takaful Islam Luxembourg oleh Dar Al-Islami (DMI). Asuransi Islam juga beroperasi di Britain melalui Islamic Takaful Company (ITC), di London. Tidak berapa

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

lama dahulu terdapat berita mengenai pendirian syarikat Asuransi Islam di Australia yang diberi nama Syarikat Al-Takaful Al-Islamiah. Di Asia, Malaysia adalah negara pertama yang merintis perniagaan asuransi secara Islam melalui pendirian Syarikat Al-Takaful Malaysia Sendirian Berhad (pesero terbatas) yang memulai operasinya pada Agustus 1985 (Fadzli Yusuf, 1996 : 4).

2. Tujuan didirikan Takaful

   a. Asuransi boleh diartikan sebagai satu kaedah yaitu satu kumpulan orang berikrar untuk mengembangkan usaha dan sumber untuk mengadakan kesepakatan untuk saling bekerjasama dan tanggung menanggung sesama mereka, jika ditakdirkan salah satu di antara mereka ditimpa musibah . Melalui kesepakatan ini orang yang dilanda malang itu akan mendapat manfaat perlindungan yang biasanya berupa uang. Dengan adanya manfaat seumpama ini diharapkan semua beban atau tanggungan yang terpaksa dipikul akibat penderitaan dari musibah dapat diringankan.

   b. Karena tuntutan kepada sistem keuangan Islam dalam bidang asuransi berlandaskan syariah selaras dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam yang didukung oleh kerajaan sejak awal tahun 80an (Risalah Syarikat Insurans Takaful Malaysia) dan supaya ia dapat memberi alternatif kepada umat Islam untuk membuat penilaian

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

terhadap asuransi yang telah menjadi keperluan pada masa sekarang.

3. Akte Takaful

Akta takaful 1984 antara lain undang-undang ini bertujuan untuk memberi ijin operasi pemiagaan takaful. Sekaligus ia memastikan kejayaan takaful sebagai sektor pemiagaan baru berasaskan hukum syara'.

Untuk memastikan pengendali mematuhi hukum syari'ah, terdapat peruntukkan supaya Majlis Pengawasan Syariah dibentuk sebelum pengendali diberi ijin.(Wawancara dengan En Mutharul Kudus Manager STM, Tgl 24 Juni 1998).

Penerangan ringkas mengenai akte tersebut adalah sebagai berikut :

Bagian I : Judul-judul singkat, pengumuman, pemakaian dan pendefinisian.

Bagian II : Perijinan Syarikat Asuransi Takaful

Bagian III : Keperluan keuangan dan tanggungjawa Syarikat Asuransi Takaful.

Bagian IV : Pemilikan, kawalan dan pengurusan Syarikat Takaful.

Bagian V : Batasan-batasan dalam pemiagaan.

Bagian VI : Kuasa penguasa dan pengawasan terhadap Syarikat Asuransi Takaful .

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Bagian VII : Hal-hal lain yang berkaitan seperti *idemniti*, keutamaan tampak, dan *liabiliti* dan denda terhadap pengarah-pengarah dan pengurus-pengurus.

Bagian VIII : Peruntukan untuk "pindaan berbangkit" yang perlu dibuat terhadap akte-akte lain yang berkaitan untuk membolehkan Syarikat Asuransi takaful meneruskan operasinya.

Syarikat Asuransi Takaful dibadanusaha-kan sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad, di bawah akte syarikat dengan nama Syarikat Insurans Takaful Malaysia Sendirian Berhad dengan kantor berdaftarnya di Malaysia.

4. Pendapat ulama' tentang Asuransi

a. Pendapat yang mengharamkan

1) Datuk Syed Alwi, bekas Mufti Kerajaan Johor, , mengharamkan asuransi khususnya asuransi nyawa karena terdapat unsur riba didalamnya.(Sobri Salamon, 1989 : 217).

2) Seorang ulama Pakistan Muhammad Syafii, mufti dar al-Ulum Karachi, telah mengemukakan pandangan bahwa bonus yang diberikan oleh syarikat Asuransi tidak lain hanyalah riba yang diharamkan dalam Islam. Penamaan ganti rugi adalah bertentangan dengan faraid karena pembayarannya adalah bergantung pada bencana yang belum pasti terjadi menjadikan kontrak asuransi sebagai sautu pertaruhan. Dalam

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

pertaruhan ini premi yang telah dibayar akan dirampas sekiranya nasabah gagal untuk membayar saldo seterusnya.

Beliau juga menambahkan, bahwa bunga uang yang diberikan oleh syarikat asuransi tidak boleh dianggap sebagai pemberian atau derma karena pada hakikatnya syarikat tersebut tidak bersimpati terhadap golongan miskin. Malah ini merupakan suatu organisasi yang berdasarkan spekulasi dan tidak boleh disamakan dengan institusi kerjasama (Sobri Salamon, 1983 : 20).

b. Pendapat Yang Mengharuskan

1) Al-Sheikh Abdul wahab al-Khallaf, mengharuskan asuransi karena ia merupakan akad *mudharabah*, dimana syarikat hanya berfungsi sebagai niaga dari kumpulan modal orang ramai. Jadi ganti rugi yang dikeluarkan oleh syarikat kepada pemegang polis tidak lebih dari keuntungan perdagangan.

Asuransi juga merupakan akad untuk kemaslahatan pembeli untuk mengabaikan waris dari menanggung risiko yang berat selepas pembeli meninggal. Dengan adanya uruf mendorong mewujudkan satu sistem untuk kepentingan masyarakat (Abdus Sami", 1980 : 24).

2) Muhammad Al-Bahi, anggota Lembaga Kajian Islam al-Azhar, mengutarakan tiga hujah yang mengharuskan asuransi :

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

i. Kepentingan ekonomi orang Islam yang perlu kepada pembangunan yang pesat.

ii. Kontrak Asuransi bukan kontrak jual beli, tetapi takaful dalam menghadapi kecelakaan

iii. Disamping merupakan kontrak takaful juga merupakan kontrak mudharabah antara pihak pembeli polis dengan syarikat, dan hasil keuntungannya dikembalikan kepada pemegang polis dalam bentuk ganti rugi (Sobri Salamon, 1989 : 220).

c. Pendapat yang mendekati

1) Menurut apa yang dinukilkan oleh Moh. Muslehuddin dalam bukunya Insurans dan Hukum Islam bahwa, Al-Sheikh Abu Zuhrah mengharuskan dari segi konsep kerjasama dan tolong menolong serta memberi ide bahwa sebaiknya dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menghindari berlakunya hal-hal yang bertentangan dengan syariat Islamiah.

Beliau mengharamkan asuransi nyawa karena ini merupakan perjudian. Tidak wajar bagi seseorang membayar sebagian saja dari jumlah bayaran yang sebenarnya untuk melayakkan mendapat semua jumlah uang yang telah dibayar beserta faedahnya sekiranya dia masih hidup dan selepas selesai tempo asuransinya. Ini adalah termasuk riba.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Bagaimanapun beliau mengharuskan Asuransi-Asuransi yang lain seperti Asuransi kereta dengan alasan belanja memperbaiki kerusakannya adalah tidak haram dan lebih kepada bentuk pertolongan (Muslihuddin, 1989 : 388)

B. PELAKSANAAN ASURANSI TAKAFUL DI NEGERI PERLIS, MALAYSIA.

1. Tinjauan Modus Operasional Asuransi Takaful Di Syarikat Insurans Takaful Malaysia Sdn. Bhd.

Dengan membicarakan asas dan juga kerangka kerja syariah mengenai asuransi Islam, jadi kita sekarang meninjau modus-modus operasionalnya.

a. Kita mulai dengan menilai sumber-sumber dana untuk menjalankan kegiatan bisnisnya.

1) Pemegang Saham Dalam Syarikat Insurans Takaful Malaysia Sendirian Berhad Yang terbesar adalah pada 5 Agustus 1997

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Nama Pemegang Saham	Jumlah Pemegang saham	Per-seratus
1. Bank Islam Malaysia Berhad	36,063,875	65.57
2. Al-wakalah Nominees (Tempatan) Sdn Bhd.	2,500,000	4.54
3. Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Pahang	1,770,000	3.21
4. Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Terengganu	1,697,500	3.09
5. Kuala Lumpur City Nominees (Tempatan) sdn. Bhd.	1,277,000	2.32
6. Public Norminees (Tempatan) Sdn. Bhd.	1,007,000	1.83
7. PAB Norminees (Tempatan) Sdn. Bhd.	962,000	1.75
8. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.	796,000	1.45
9. Employer Provident Fund Bord	723,000	1.32
10. The Great Easterm Life Asurance Company Limited	660,000	1.20

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

11. Cartaban Norminees (Asing) Sdn. Bhd.	657,000	1.20
12. Citicorp Norminees (Tempatan) Sdn. Bhd.	660,000	1.20
13. HSBS Norminees (Tempatan) Sdn. Bhd.	553,000	1.01
14. Kenanga Norminees (Tempatan) Sendirian Berhad.	512,000	0.93
15. Majlis ugama Islam Wilayah Persekutuan	442,500	0.81
16. HSBS Norminees (Asing) Sdn. Bhd.	366,000	0.67
17. Majlis Agama Islam Melaka		
18. BBMB Trustee Berhad	331,875	0.60
19. Capitalcorp CDS Norminees	356,000	0.65
(Tempatan) Sdn. Bhd.	150,000	0.27
20. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	132,750	0.24
Jumlah Saham	51,618,000	93.86

(Sumber dari Laporan Tahunan SITMSB 96/97).

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

2. Majlis Pengawasan Syariah

Syarikat Asuransi Takaful Malaysia perlu mematuhi fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Pengawasan Syari'ah. Majlis ini berfungsi untuk memastikan dan menentukan segala operasional yang dijalankan oleh Syarikat Asuransi Takaful agar tidak melanggar prinsip syari'ah. Ketika menjalankan tugas, badan ini terlebih dahulu perlu memastikan segala pelayanan dan produk yang disediakan untuk mengikuti undang-undang syari'ah. Kedua, melihat apakah proyek dan inventasi yang ingin dijalankan dibenarkan oleh syari'at dan yang terakhir memastikan STM diurus mengikut prinsip-prinsip syariah.(Wawancara dengan En Muhtarul Kudus Manager Syarikat Takaful, 24 Juni 1998).

Jadi dapat dikatakan bahwa badan tersebut sebagai penasihat atas operasional Syarikat Takafful Malaysia supaya tidak terlibat dalam berbagai unsur yang diharamkan oleh Islam. Majlis ini beranggotakan para alim ulama yang arif dalam undang-undang Islam terutama ekonomi Islam. Mereka adalah: Y.Bhg Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Ahmad B. Mohamad Ibrahim, Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Othman B. Ishak, Prof Madya Dr. Abdullah B. Hj. Ibrahim, Y.Bhg Dato' Hj. Yunus @ Yunus B. Hj. Md. Yatim, Prof Madya Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri B. Salamon, Y.Bhg Dato' Sheikh Ghazali B. Hj. Abd Rahman,

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Shahibul Al-Samahah Dato' Hj. Md. Hashim B. Yahya dan Ustaz Mohd Bakir b. Hj. Mansor

(Laporan tahunan Syarikat Insurans Takaful , 1998 : 5)

3. Organisasi Pentadiran Syarikat Asuransi Takaful Malaysia

Untuk lebih jelas lagi tentang carta organisasi Pengurusan Sykt. Insurans Takaful bisa dilihat dalam Bagan 1 pada halaman 52.

4. Jenis-jenis Perlindungan

Asuransi Takaful ada dua jenis perlindungan yaitu Takaful Am dan Takaful Keluarga.

a. Takaful AM

Perniagaan takaful Am menyediakan berbagai produk yang dikenal dengan nama Skim Takaful Am. Skim ini adalah program keuangan jangka pendek yang menyediakan manfaat perlindungan ke atas kehilangan atau kerugian akibat musibah menimpa harta benda atau hal-hal yang dilindungi seperti bangunan, rumah, kendaraan bermotor, stok perniagaan atau juga harta milik Peserta.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

1) Berbagai jenis Skim takaful Am disediakan oleh STM untuk memenuhi keperluan perlindungan individu dan juga badan persekutuan yang dibagikan kepada sektor berikut :

a) Takaful Kebakaran

i. Kebakaran Asas

ii.Kebakaran dan berbagai bencana

iii.Skim Takaful Pemilik Rumah dan Skim Takaful Isi Kandungan Rumah.

iv.Skim Takaful Rumah Desa

v.Penanaman Pokok

vi.Semua Risiko Perindustrian

vii.Gangguan Pemiagaan

b) Takaful Kemalangan dan berbagai

c) Skim Takaful Marin

i. Marin kargo (Melalui Darat)

ii. Marin kargo (Melalui laut)

iii. Marin kargo (Melalui Udara)

(Risalah Syarikat Takaful Malaysia)

d) Skim Takaful Ketehnikkan

e) Skim Takaful Kendaraan Bermotor

f) Skim Takaful Pelajar-pelajar Sekolah Malaysia

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

g) Skim Takaful Tanggungan

h) Skim takaful Jemaah Haji

2) Operasi Skim Takaful AM

Peserta Skim Takaful Am akan menandatangani satu kontrak takaful yang berasaskan prinsip *al-Mudharabah* dengan STM. Kontrak itu akan menerangkan dengan jelas tentang hak dan kewajiban kedua belah pihak.

Peserta memberi persetujuan untuk membayar sumbangan takaful sebagai *tabbaru'* atau derma kebaikkan untuk dimasukkan dalam Kumpulan Uang Takaful Am. Sumbangan ini akan diinvestasikan oleh syarikat yang ikut hukum syarak dan keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan semua ke dalam Kumpulan Uang yang sama.

Selaras dengan amalan saling jamin menjamin di bawah konsep takaful, semua peserta setuju membayar perolehan ganti rugi sebagai bantuan keuangan bersama kepada rekan Peserta yang ditimpa kehilangaan atau kerugian akibat musibah. Selain dari itu biaya seperti takaful semula, untuk simpanan juga akan dibiayai oleh kumpulan uang ini. Setelah semua biaya ini dilunasi dan masih ada keuntungan, maka akan dikongsi Peserta dengan syarikat,

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

dengan syarat, Peserta tidak menerima manfaat perolehan ganti rugi. Pembagian keuntungan ini adalah mengikuti perjanjian al-mudharabaah berasaskan nisbah yang disetujui, yaitu 50% : 50%

Cara pengoperasian Takaful Am secara lebih jelas lagi bisa dilihat dalam Jadwal 2 di halaman 53.

b. Takaful Keluarga

Di bawah Perniagaan Takaful Keluarga, berbagai produk disediakan yang dipanggil 'Pelan takaful Keluarga" untuk individu dan badan perkumpulan. Pelan takaful Keluarga yang berasaskan perjanjian berkongsi untung ikut pada prinsip al-*mudharabah* adalah program jangka panjang yang disediakan kemudahan tabungan, pengembalian investasi dan manfaat perlindungan jika ditakdirkan pesertanya meninggal dunia atau cacat anggota badan. Perniagaan takaful Keluarga terbagi menjadi dua sektor seperti berikut :

1) Sektor Perseorangan

Secara umum, pelan takaful untuk orang perseorangan menawarkan suatu kemudahan program keuangan jangka panjang dengan dua tujuan utama. Pertama menabung

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

secara berangsur-angsur untukmendapatkan perlindungan apabila berlaku kematian atau cacat anggota badan dan kedua menabung untuk mendapatkan simpanan beserta keuntungan dari investasi (Fadzli Yusuf, 1996 : 24). Pelan takaful keluarga dengan tempo sempurna yang fleksibel untuk memudahkan penyertaan mengikuti pilihan yang sama ada 10 tahun,15 tahun, 20 tahun, 25 tahun, 30 tahun, 35 tahun dan 40 tahun.

Perjanjian sampingan dalam bentuk manfaat-manfaat rumah sakitl, kemalangan diri, cacat kekal seluruh anggota badan dan khairat keluarga yang boleh dibadan usaha-kan kepada Pelan diatas (RST Profit Korporat, tth : 17).

a) Pelan Kaki tangan Utama

b) Pelan Takaful Keluarga Untuk Pelajaran

c) Pelan Takaful Gadaijanji

Ini merupakan manfaat takaful yang boleh menebus semua kelebihan pembiayaan atau hutang rumah jika ditakdirkan Peserta meninggal dunia atau hilang upaya kekal. Pelan ini melindungi kelebihan pinjaman atau pembiayaan membeli harta tetap seperti tanah atau rumah yang biasanya diperolehi oleh seseorang dari bank, institusi keuangan, majikan atau koperasi.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Disamping itu Peserta berhak mendapat perkongsian untung jika dia masih hidup.

d) Takaful Rawat

e) Takaful Ma'asyi

Ialah jaminan pendapatan tetap selepas pensiunan Semasa masih bekerja, program keuangan pensiunan dengan bantuan Syarikat Takaful Malaysia yang akan memastikan anda memperoleh pendapatan yang terjamin sesudah pensiun kelak.

2) Sektor Berkelompok

a) Pelan Takaful Keluarga Berkelompok

b) Pelan Takaful Keluarga Berkelompok (Melindungi Kemudahan Kredit/ Pembiayaaan)

c) Pelan Takaful Keluarga Berkelompok untuk Manfaat Hospital dan Pembedahan

3) Kemudahan-kemudahan utama kepada peserta Pelan Takaful Keluarga adalah seperti berikut :

a) Individu boleh memilih antara Pelan takaful Keluarga dengan tempo sempurna yang sesuai dengannya. Sehubungan dengan ini, Peserta akan menyetujui satu

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

kontrak atau perjanjian takaful dengan Syarikat Takaful Malaysia (STM) yang akan menerangkan dengan jelas akan hak dan kewajiban kedua belah pihak. Perjanjian yang disetujui itu adalah berasaskan perkongsian untung seperti prinsip al-Mudharabah (Risalah Insurans Takaful Malaysia).

b) Peserta adalah dikehendaki membayar sumbangan atau setoran takaful secara angsuran atau mencicil seperti lat-lat tertentu yang sama pada setiap bulan, setiap tiga bulan, setiap enam bulan atau setiap tahun sepanjang tempo penyertaan. Peserta akan menentukan sendiri jumlah setoran takaful tetapi tidak kurang dari jumlah minimal yang ditetapkan oleh STM yaitu jumlah minimun RM 15.00 sebulan (Risalah Syarikat Insurans Takaful Malaysia).

c) Cara membayar angsuran setoran yang mudah melalui berbagai pilihan sama saja dengan memotong gaji, ketentuan tetap bank, sendiri dengan cek atau tunai, giro atau kartu kredit.

4) Perolehan Untung bagi Peserta Takaful Keluarga. Setoran takaful Peserta ini akan dikreditkan kedalam Kumpulan Uang takaful Keluarga yang dibagikan kepada dua yaitu Akuan Peserta (AP)

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

dan Akuan Khas Peserta (AKP). Sebagian besar setoran, sehingga 98% akan dimasukkan ke dalam AP untuk tujuan tabungan dan Investasi. Kelebihannya akan dimasukkan ke dalam AKP sebagai Tabbaru' atau derma kebaikkan yang akan membolehkan STM menyediakan manfaat takaful sebagai bantuan keuangan kepada Peserta atau ahli waris Peserta yang tertimpa musibah (Risalah Syarikat Insurans Takaful Malaysia).

Setoran dalam AP dan AKP akan diinvestasikan sekali seperti bidang dan aktivitas yang selaras dengan hukum syara'. Keuntungan atau pengembalian kelebihan investasi akan dibagikan seperti perjanjian berkongsi untung di bawah prinsip Al-Mudharabah antara Peserta dengan STM.

Contoh " Pembagian keuntungan tersebut ialah 7 : 3 yaitu Peserta akan mendapat 70% dari keuntungan apabila 30% akan menjadi hak Syarikat Takful Malaysia.

Bagian untung Peserta akan dikreditkan ke dalam AP-nya. Dari keuntungan yang terkumpul dari waktu ke waktu sepanjang tempo penyertaan, tabungan dalam AP akan meningkat.

Kelebihanya akan dimasukkan kedalam Akuan Khas Peserta (AKP) sebagai *tabarru'*. Uang yang terkumpul di dalam AKP inilah yang digunakan untuk membayar manfaat tuntutan yang berasaskan prinsip takaful jika musibah menimpa peserta. Perseratus Tabarru'

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

yang dikreditkan ke dalam Akuan Khas Peserta (AKP) ialah seperti berikut :

Kump.	Tempo Sempurna						
Umur	10	15	20	25	30	35	40
18-25	2.2%	3.9%	5.5%	6.1%	8.3%	10.5%	13.8
26-30	2.2%	3.9%	5.5%	6.1%	9.9%	13.8%	
31-35	2.8%	5.0%	7.2%	9.9%	13.8%		
36-40	3.9%	6.6%	9.9%	13.8%			
41-45	5.5%	9.4%	13.8%				
46-50	7.7%	13.8%					
51-55	13.8%						

(Sumber Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad)

Untuk lebih jelas lagi tentang cara pengoperasian takaful Keluarga bisa dilihat dalam bagan 3 di halaman 54.

5. Sama-sama Membantu Melalui Tabarru'

   Menderma dengan tujuan untuk membantu seseorang dalam kesusahan yang amat digalakkan oleh Islam. Penderma yang ikhlas akan mendapat ganjaran pahala yang besar seperti firman Allah swt.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

مثل الذين أموالهم فى سبيل الله كمثل حبة أنبتت سبع سنابل فى كل سنبلة مائة حبة والله يضعف لمن بشأوالله وسع عليم.

(البقرة : ٢٦١)

Artinya : "Perumpaman (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, tiap-tiap butir : seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah maha luas (kurnia-Nya) lagi maha mengetahui" (Q.S. al-Baqarah : 261). (DEPAG RI, 1412 H : 65).

Dalam perniagaan, biasanya keuntungan yang menjadi tujuan utama. Tidak ada pengusaha maupun penyumbang modal yang tidak mengharapkan keuntungan dari perusahaan atau investasi yang dibuatnya.

Sesungguhnya keuntungan halal dalam Islam selagi sumber dan kaedah mendapatnya tidak bertentangan dengan syara'. Namun bukan berarti ia menjadi tujuan utama sehingga menafikan langsung tujuan kebaikkan serta berbakti kepada orang yang memerlukan bantuan. Alangkah muminya suatu sistem perniagaan yang menggabungkan tujuan untuk berbakti melalui sumbangan derma untuk membantu rekan kongsi yang tertimpa musibah.

Sesungguhnya inilah yang menjadi dasar kepada perniagaan takaful yaitu peserta berhak mendapat keuntungan seperti investor secara bersama-sama itu berpeluang membantu rekan yang dalam

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

kesusahan. Malah peraturan menderma menjadi bagian daripada akad takaful (Fadzli Yusuf, 1996 : 21).

Konsep derma di bawah pengawasan ini berdasarkan prinsip tabarru', yang bermaksud menyumbang dengan rela atau menyediakan pelayanan jasa secara ikhlas membolehkan peserta mendermakan sebagian atau keseluruhan uang sumbangan yang dibayar sebagai balasan karena menyertai pelan atau skim takaful dengan tujuan untuk digunakan untuk membantu rekan peserta yang terbebani kehilangan atau kerugian akibat dilanda musibah tertentu (Fadzli Yusuf, 1996 : 22).

Secara 'amnya , *tabarru'* mempunyai pengertian yang luas. Uang yang ditabarru'kan boleh digunakan untuk membantu siapa saja yang dalam kesusahan. Tetapi di bawah perniagaan takaful yang tunduk kepada akad yang khusus, penggunaan tabarru' juga khusus. Dalam hubungan ini, hanya akan bermanfaat bagi peserta takaful ikut akad saja. Sekiranya uang itu digunakan untuk tujuan lain ini berarti melanggar syarat akad. Untuk menjelaskan penggunaan uang *tabarru'* secara khusus, akad takaful menetapkan bila dan keadaan syarikat atau pengendali perniagaan takaful sebagai pemegang amanah boleh menggunakan hak dan kuasa yang diberikan oleh peserta kepadanya untuk menggunakan uang sumbangan yang mereka tabarru'kan itu.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Melihat bahwa semua uang *tabarru'* yang dimasukkan dalam Kumpulan Uang Takaful dan diinvestasikan untuk mendapatkan pengembalian atau keuntungan maka pengembalian atau keuntungan jika ada juga akan dijadikan *tabarru'*. Persetujuan peserta untuk *tabarru'* digabung dalam akad dan dilafadzkan pada waktu peserta itu ikut pelan atau skim takaful. Contoh akad *tabarru'* ikut pelan atau skim takaful ialah :

"Sebanyak____2__ % daripada angsuran simpanan takaful yang saya berjanji untuk membayar kepada Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad dimasukkan ke dalam Akuan Khas Peserta saya dengan syarikat sebagai tabarru' untuk tujuan syarikat membuat bayaran manfaat takaful apabila berlaku kematian atau kecacatan abadi sepenuhnya peserta-peserta yang berhak menerima manfaat takaaful tersebut di bawah perjanjian ini (Takaful Keluarga)

Saya/Kami juga setuju untuk dijadikan sebagai tabarru' bagian dari sumbangan takaful diatas termasuk keuntungan bagi syarikat membayar manfaat takaful apabila berlaku kematian dan kecacatan abadil anggota badan orang yang dilindungi mengikuti perjanjian takaful (Takaful Keluarga Berkelompok)

Saya/Kami juga setuju untuk dijadikan tabarru' bagian daripada sumbangan takaful di atas termasuk keuntungannya bagi syarikat membayar manfaat takaful kepada peserta takaful yang berhak menerima manfaat tersebut mengikuti perjanjian takaful (Takaful Am Gandingan) (Fadzli Yusuf, 1996 : 23)

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

5. Pelaburan/ Investasi

Syarikat Asuransi Takaful telah membuat investasi dalam bidang-bidang yang telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan syariah.

a.Investasi dalam Bank Islam.

Syarikat Asuransi takaful telah membuat asuransi dalam Bank Islam Malaysia dalam bentuk Akuan investasi sebanyak RM 14,449,970 dengan mengikuti hukum al-mudharabah yaitu Bank Islam 30% dan Syarikat Insurans Takaful sebanyak 70%.

b. Pembelian Surat Berharga Investasi Kerajaan Malaysia.

Surat berharga ini berbeda dengan bond-bond karena kadar bunganya tidak ditentukan terlebih dahulu, tetapi pembagian keuntungan yang di lakukan adalah mengikuti kadar tertentu yang tidak berdasar dengan Syariah. Surat-surat brhargal ini dikeluarkan khusus kepada Bank Islam Malaysia Berhad dan syarikat Asuransi Takaful Sendirian Berhad. Syarikat Insurans Takaful telah membeli surat-surat berhargal sebanyak RM 78,535,139

c. Perniagaan dalam Syarikat Al-Wakalah Norminees Sdn Bhd.

Syarikat Insurans takaful telah membuat investasi dalam Syarikat Al-Wakalah Norminees Sdn Bhd. Syarikat ini adalah syarikat yang telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah. Investasi dalam bidang ini adalah sebanyak RM 32,014,816.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

d. Investasi Dalam Bidang Hartanah.

Syarikat Asuransi Takaful telah berusaha dalam bidang ini sejak tahun 1985 sehingga sekarang mempunyai aset dalam bidang ini sebanyak RM 26,659,444

e. Investasi dalam Amanah Saham Bank Islam (ASBI)

ASBI adalah sebuah tabung Amanah Saham yang didirikan oleh Bank Islam Malaysia Berhad untuk menyediakan satu saluran kepada Investor-investor bersatu dan menginvestasikan modal dalam investasi yang diharuskan oleh syara'. ASBI adalah tunduk pada pengawasan Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam. Syarikat Takaful telah menginvestasikan dalam bidang ini sebanyak RM 10,494,000

f. Tata urutan syarikat-syarikat yang telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah dapat dilihat dalam lampiran. STM mempunyai kepentingan dalam semua syarikat-syarikat tersebut sebanyak RM 103,606,809 (Laporan tahunan Syarikat Insurans Takaful Malaysia '96-'97 : 45).

6. Pemasaran

Dengan melihat kepada konsep pemiagaan asuransi secara Islam adalah tidak untuk kepentingan diri sendiri dan bukan pula bertujuan untuk memperoleh keuntungan sebanyak mungkin dengan tidak

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

memikirkan kepentingan bersama, tetapi sebaliknya konsep yang paling utama ialah menghayati semangat takaful, tolong-menolong dan saling melindungi untuk mencapai sebuah masyarakat yang sejahtera dan bersatu, maka kampanye pemasarannya lebih menekan kepada penerangan pendidikkan dan meningkatkan kesadaranya (Sobri salamon, 1989 : 250).

a. Kumpulan Sasaran

Lapangan pemasaran asuransi dengan cara Islam adalah terbuka kepada semua kaum muslimin dari semua tingkat dan kaum lain yang ingin mengikutinya. Kumpulan yang mudah didekatinya :

1) Kumpulan sasaran biasa yang terdiri dari pegawai kerajaan, pegawai sektor swasta, para peniaga, majikan dan perkumpulan.
2) Kumpulan sasaran tersedia yang boleh dilakukan setelah syarikat asuransi secara Islam mempunyai hubungan atau pertalian khusus dengan badan-badan tertentu seperti memberi perlindungan calon-calon haji yang diuruskan melalui Tabungan Haji (Sobri Salamon, 1989 : 251).

7. Perkembangan Asuransi Takaful

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

a. Keputusan Keuangan

Harus mendapat kelulusan dari Majlis Pengawasan Syari'ah sebelum membuat semua jenis investasi atau perniagaan.

b. Dari segi keuntungan syarikat

Keuntungan ini dilihat pada keuntungan syarikat yang berakhir pada 30 Jan 1998.

Keuntungan syarikat sangat baik dibanding tahun sebelumnya, ini dapat dilihat sebagai berikut :

Keuntungan sebelum zakat dan cukai	RM 18,421,705
Keuntungan selepas zakat dan cukai	RM 12,544,939
Keuntungan terkumpul dibawa kedepan	RM 10,101,043
Keuntungan boleh dibagikan	RM 22,645,982
Dividen :	
Dicadangkan dividen terakhir sebanyak 10% selepas 30% cukai (1996 : 10% selepas 30% cukai)	RM 3,850,000
Keuntungan yang dibawa kedepan	RM 18,795,982

(Laporan tahunan Syarikat Insurans Takaful, 1998 : 30).

c. Rangkaian cabang dan meja takaful

1) Kedudukkan cabang-cabang yang di letakkan di setiap negeri adalah hanya sekedar berfungsi untuk bidang-bidang pemasaran dan memberi pelayanan

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

nasihat kepada peserta saja. Ia tidak menjadi fungsi utama syarikat karena kerja-kerja tersebut adalah bidang kuasa Pusat. Kantor cabang takaful di seluruh Malaysia berjumlah 14 cabang.

2) Meja Takaful dikendalikan oleh pegawai Syarikat di bawah pengurusan kantor pusat atau kantor cabang berdekatan. Meja takaful di seluruh negara berjumlah 50 meja takaful.

d. Mengikutkan banyak orang.

1) Mendapat sambutan yang menggalakkan dari banyak orang

2) Melalui skim potongan gaji

8. Manfaat Asuransi takaful

Kemungkinan peserta-peserta atau waris-warisnya boleh menerima bayaran manfaat takaful jika pemegang polis meninggal dunia sebelum tahun yang sempurna. Dan memberi pengembalian kepada orang yang tidak tertimpa musibah bersama keuntungannya.

9. Faktor Perkembangan

a. Kefahaman yang betul-betul dari masyarakat tentang bentuk, tujuan dan konsep takaful yang telah digariskan oleh Syarikat Asuransi Takaful.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

b. Pengurusan Pegawai yang berilmu, cakap dan amanah dalam pengurusan.

c. Golongan pelanggan yang seksama, ikhlas dan beramanah. Umpamanya pelanggan jangan memberi keterangan palsu pada waktu mengisi formulir, dan seterusnya pelanggan-pelanggan jangan membuat tuntutan-tuntutan palsu dan janganlah ada pelanggan yang tidak mensetorkan pada waktu yang telah ditetapkan.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Bagan 1

STRUKTUR ORGANISASI SYARIKAT TAKAFUL



Sumber dari Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

TAKAFUL AM
CARTA PERJALANAN URUSNIAGA

Jadual 2



SUMBER DARI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA SDN. BHD.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

TAKAFUL KELUARGA
BAGAN PERJALANAN URUSNIAGA

Jadual 3



SUMBER DARI SYARIKAT INSURAN TAKAFUL MALAYSIA SDN. BHD

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id